



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 3/2026

PROGRAM KAPAL BELIA ASIA TENGGARA DAN JEPUN KE-49/ 2026: PERKASA KEPIMPINAN DAN JARINGAN ANTARABANGSA

13 JANUARI 2026

1. YB Mordi Bimol, Timbalan Menteri Belia dan Sukan hadir menyempurnakan Majlis Malam Selamat Belayar bagi Kontinjen Malaysia ke Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) ke-49/ 2026 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Podium B, Menara KBS, Putrajaya hari ini.
2. Majlis ini bertujuan meraikan kontinjen Malaysia yang bakal menyertai program berprestij ini, serta memberikan penghargaan kepada penaja-penaja yang telah menyokong kontinjen.
3. Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) merupakan program pertukaran belia antarabangsa yang telah dilaksanakan sejak tahun 1974, melibatkan penyertaan belia dari negara-negara ASEAN dan Jepun.
4. Program SSEAYP melibatkan penyertaan belia dari 10 negara anggota ASEAN iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Vietnam, Brunei Darussalam, Laos, Kemboja, Filipina, dan Timor-Leste sebagai peserta pemerhati, manakala Jepun berperanan sebagai negara penganjur. Secara keseluruhan, seramai 181 peserta dari negara-negara ASEAN dan Jepun akan belayar dari 15 Januari hingga 17 Februari 2026, dengan dua buah negara persinggahan iaitu di Singapura dan Thailand.
5. Bagi edisi SSEAYP ke-49/ 2026, seramai 17 peserta telah terpilih untuk menyertai program ini. Ahli kontinjen terdiri daripada anak muda berusia 18 hingga 30 tahun yang telah melalui proses pemilihan rapi bagi memastikan penyertaan mereka berpotensi tinggi dan berdaya saing serta mampu memartabatkan imej positif negara di peringkat antarabangsa.

6. Sepanjang pelayaran, peserta akan terlibat dalam perbincangan bertema, aktiviti pertukaran budaya, interaksi komuniti, serta sesi pertukaran pandangan mengenai isu ekonomi, politik dan sosial. Pengalaman ini memberi peluang kepada belia Malaysia memahami kepelbagaian budaya, menghormati perbezaan, serta membina jaringan kerjasama serantau dan antarabangsa.
7. Penyertaan Malaysia dalam Program SSEAYP selaras dengan aspirasi kerajaan untuk melahirkan belia yang berwawasan global, berdaya saing dan berintegriti selaras dengan teras daya cipta dan keyakinan dalam konsep Malaysia MADANI. Program seumpama adalah selari dengan Model Pembangunan Belia MADANI 2030 yang mana selain daripada memupuk pengantarabangsaan belia Malaysia, juga membantu membentuk sahsiah diri dan ciri-ciri kepimpinan generasi muda.
8. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha KBS dan YBrs. Puan Azura Abidin, Ketua Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN).
9. Untuk maklumat lanjut mengenai program SSEAYP 49/2026, sila hubungi talian 03-8871 3272 atau e-mel kepada jbsn@kbs.gov.my.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

